

05 MAY 1999

Ghani-Perjumpaan

MB JOHOR JUMPA PEGAWAI KERAJAAN DAN NGO BERHUBUNG ISU SEMASA

JOHOR BAHRU, 5 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata beliau telah mula mengadakan program perjumpaan dengan kakitangan kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung isu-isu semasa.

Program perjumpaan itu bertujuan menerangkan mengenai isu politik semasa dengan tumpuan kepada perpaduan masyarakat Melayu di Johor, katanya di sini, hari ini.

"Nampaknya kumpulan-kumpulan yang ditemui setakat ini menunjukkan mereka masih kuat menyokong kerajaan. Mereka yang pendiriannya goyang sebelum ini pula sudah mula tegak," katanya.

Abdul Ghani berkata perjumpaan-perjumpaan itu diadakan agar perpaduan orang Melayu di Johor di bawah naungan Umno dapat terus diperkukuhkan terutama dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Menurutnya program itu akan berterusan sehingga Julai ini bagi memastikan golongan-golongan yang dikenali dapat ditemui dan diberikan penerangan yang lebih jelas.

Antara kumpulan yang telah ditemui setakat ini ialah guru-guru sekolah agama dan kebangsaan, pengetua-pengetua sekolah, ketua-ketua kampung, pertubuhan bukan kerajaan dalam bidang sukan, kebudayaan serta kakitangan kerajaan.

Hari ini, Abdul Ghani menemui lebih 3,000 imam surau dan masjid dari daerah-daerah Pontian, Johor Bahru, Kota Tinggi dan Mersing.

Ketika ditanya mengenai desakan pelbagai pihak supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan nama kroni Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumpulkan kekayaan bernilai RM230 juta, Abdul Ghani berkata Perdana Menteri mempunyai maklumat yang cukup mengenai perkara itu.

"Dr Mahathir akan mendedahkannya pada masa yang sesuai," katanya.

-- BERNAMA

MKO NAK